



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16/2/2012

# Shahrizat usah sayang jawatan

## Dr M saran Ketua Wanita UMNO bijak buat keputusan, utamakan parti

Oleh Norakmah Mat Youb  
norakmah@bharian.com. my

**S**ERDANG: Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil raelepaskan jawatan jika ia tindakan terbaik untuk UMNO.

Bekas Perdana Menteri juga mengingatkan supaya tidak terlalu sayangkan jawatan, namun menyerahkan sepenuhnya kepada Shahrizat untuk membuat sebarang keputusan.

"Saya tidak suruh beliau letak jawatan, tetapi kita perlu sentiasa

memikirkan masalah yang ditimbulkan kepada parti. Saya sendiri apabila terlalu lama dan orang pun sudah bosan, saya letak jawatan.

"Jadi, janganlah terlalu sayangkan jawatan itu sampai tidak mahu

langsung berpisah dengannya. Satu hari kita kena pisah juga," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan di Universiti Perdana, di sini semalam.

Beliau mengulas desakan beberapa pihak yang meminta Ketua Wanita UMNO itu meletakkan jawatan berhubung kontroversi projek Pusat Fidlot Negara (NFC) yang dikaitkan dengan keluarganya.

Dr Mahathir berkata, kepentingan parti harus diberi keutamaan ketika membuat sebarang keputusan dan jika fikir itu baik bagi parti, beliau patut ambil tindakan.

Projek NFC diuruskan National Feedlot Corporation Sdn Bhd yang

dipengerusikan suami Shahrizat, Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail, dikecam pembangkang yang mendakwa wujud penyelewengan dana kerajaan membabitkan pinjaman mudah bernilai RM250 juta.

Isu berkaitan pusat itu disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 selepas ia berdepan masalah apabila sasaran pengeluaran dikurangkan daripada 60,000 lembu kepada 8,000 lembu.

Minggu lalu, Shahrizat disoal siasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya, kira-kira dua jam setengah berhubung isu berkenaan.

